



**TERMA RUJUKAN
KUMPULAN TINDAKAN
MAJLIS KEBANGSAAN KESELAMATAN JALAN RAYA (MKKJR)**

1. Pendahuluan

1.1 Terma Rujukan ini boleh digelar sebagai **Terma Rujukan Kumpulan Tindakan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam.**

2. Tujuan

2.1 Memastikan perancangan dan pelaksanaan dasar dan strategi MKKJR berjalan dengan lancar;

2.2 Membantu MKKJR dalam memberigakan dan mendidik mengenai segala aspek hal ehwal keselamatan kepada semua pengguna-pengguna jalan raya selaras dengan pendekatan *Whole of Nation*.

3. Matlamat

3.1 Melaksanakan tindakan yang berunsur ‘action-oriented’ mengikut sasaran yang ditetapkan oleh Kumpulan Tindakan masing-masing selaras dengan perancangan dan pendekatan MKKJR;

3.2 Melaporkan perkembangan dan membentangkan usulan-usulan atau inisiatif-inisiatif pada setiap mesyuarat bulanan MKKJR untuk tindakan-tindakan susulan mengenainya.

4. Keahlian

(Sila rujuk **Lampiran 1** – Stuktur Organisasi serta **Lampiran 2** – senarai Pegawai Fokal yang dilantik)

Kumpulan-Kumpulan Tindakan ada seperti berikut:



i. Kumpulan Tindakan Media dan Pemberigaan (KTMP)

Kumpulan ini ditubuhkan bagi melaksanakan program kesedaran dan pendidikan keselamatan jalan raya untuk semua pengguna jalan raya.

Ketua bersama kumpulan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Pengarah Urusan Syarikat Pemasaran Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd.

ii. Kumpulan Tindakan Teknikal dan Infrastrukur (KTTI)

Kumpulan ini ditubuhkan bagi memastikan rangkaian infrastruktur jalan raya di negara ini selamat dan mematuhi piawaian keselamatan jalan raya antarabangsa.

Ketua kumpulan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan.

Timbalan ketua ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

iii. Kumpulan Tindakan Penyelidikan dan Perkembangan (KTPP)

Kumpulan ini ditubuhkan bagi mengkaji seterusnya mencadangkan dan melaksanakan pelan penyelidikan serta perkembangan (R&D) kearah peningkatan keselamatan jalan raya.

Ketua kumpulan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan;

Timbalan ketua ialah Pengarah “Centre for Transport Research” (CfTR), Universiti Teknologi Brunei.



iv. Kumpulan Tindakan Undang-Undang dan Penguatkuasaan (KTUP)

Kumpulan ini ditubuhkan bagi tujuan pembangunan dan penguatkuasaan undang-undang serta dasar keselamatan jalan raya.

Ketua bersama kumpulan ialah Pengarah Jabatan Penyiasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pengarah Pengangkutan Darat, Jabatan Pengangkutan Darat.

5. Mesyuarat dan Laporan Kumpulan Tindakan

5.1 Setiap mesyuarat yang diadakan akan dikendalikan oleh Kumpulan Tindakan masing-masing. Laporan mesyuarat hendaklah disediakan oleh pegawai fokal atau mana-mana ahli kumpulan yang telah dilantik oleh ketua kumpulan. Laporan tersebut seterusnya hendaklah dikemukakan kepada Urusetia MKKJR.

5.2 Pegawai fokal setiap kumpulan hendaklah melaporkan perkembangan, usulan serta inisiatif pada setiap mesyuarat bulanan MKKJR. Laporan ini adalah untuk tindakan susulan dan hendaklah dikemaskinikan melalui ***Monthly Action Report Card***.

6. Perubahan Kepada Terma Rujukan

6.1 Sebarang perubahan kepada Terma Rujukan ini hendaklah dimaklumkan dan dibuat secara bertulis kepada Setiausaha MKKJR. Perubahan tersebut akan dibentangkan semasa Mesyuarat MKKJR untuk disahkan.

6.2 Setelah perubahan berkenaan disahkan, perkara tersebut akan dikemaskinikan dan dimaklumkan sebagai rujukan rasmi.